

NILAI DALAM BUDAYA MELAYU-ISLAM MELALUI FILEM ANIMASI UPIN DAN IPIN

Nor Raudah Hj Siren

*Pensyarah kanan dan Ketua, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia*

Munirah Ab Razak

*Pensyarah kanan, Jabatan al-Quran dan al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia*

Aisyah Yap

*Calon Ijazah Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia*

Ummu Hani Abu Hassan

Pensyarah kanan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

Abstrak

Filem animasi merupakan media yang bertujuan untuk membimbing kanak-kanak memahami nilai budaya tempatan. Audio visual yang menarik dalam filem animasi mampu memberi kesan yang mendalam terhadap kanak-kanak. Antara siri animasi yang terkenal di Asia ialah siri Upin dan Ipin yang memaparkan gambaran sebuah masyarakat perkampungan Melayu dengan penduduk pelbagai bangsa dan agama. Artikel ini bertujuan mengemukakan nilai-nilai budaya Melayu-Islam yang terdapat dalam filem Animasi Upin dan Ipin. Kaedah kualitatif dengan melakukan analisis kandungan secara tematik terhadap siri-siri animasi Upin dan Ipin dilakukan bagi mengangkat aspek nilai utama iaitu nilai budi bahasa dan nilai murni masyarakat Melayu-Islam. Dapatkan kajian mendapati, siri Upin dan Ipin kaya dengan nilai budaya Melayu yang selaras dengan syariah Islam. Aspek nilai yang ditonjolkan memperlihatkan sikap masyarakat yang saling hormat-menghormati, sayang-menayang, bantu-membantu dan menjaga perasaan orang lain.

Kata kunci: Budaya Melayu-Islam, Siri, Filem, animasi

Pengenalan

Di Malaysia, filem animasi masih dianggap sebagai media yang masih baru berbanding di negara maju¹. Namun, penubuhan Multimedia Development Corporation (MDeC) telah meningkatkan penyertaan Malaysia dalam bidang animasi. Menurut Norhayati (2011), filem animasi di Malaysia mampu mencetuskan fenomena terhadap kanak-kanak melalui ilustrasi atau dialog yang digunakan. Aspek pembangunan rangka animasi tersebut merupakan menjadi lebih berkesan untuk tujuan proses pembelajaran dan pendidikan kanak-kanak².

Kanak-kanak generasi abad ke-21 pula membesar dalam persekitaran yang berbeza dari zaman sebelumnya. Menurut Maizcdcira (2004), kanak-kanak dahulu dikisahkan dengan cerita-cerita dongeng Melayu yang memberi mesej tersirat dalam kehidupan seharian dan memiliki nilai tradisinya yang tersendiri dalam masyarakat Melayu. Namun, dengan perkembangan teknologi terkini, kisah-kisah tersebut telah dipersembahkan dengan lebih berkesan dengan versi baru melalui kaedah animasi³. Hal ini telah memberi sumber pendidikan dan hiburan kepada kanak-kanak serta memberi impak yang berbeza terhadap perkembangan mereka.

Kemunculan animasi seperti *Usop Sontorian*, *Putih*, *Keluang Man*, *Kampung Boy*, *Keluarga Sidek*, *Pada Zaman Dahulu*, *Puteri*, *Agen Ali* dan sebagainya menjadi perintis animasi tempatan yang popular sejak tahun 1990-an. Genre animasi di Malaysia dilihat memaparkan genre persahabatan, aksi, jenaka dan kisah dongeng. Menurut Nurul Akma (2018) Siri Animasi Upin dan Ipin merupakan antara filem animasi yang mampu menarik perhatian dunia kerana penghasilan animasi 3D berkualiti tinggi di samping mengekalkan imej dan budaya tempatan serta memiliki nilai-nilai murni⁴. Lantaran itu, filem animasi merupakan antara media yang sangat penting sebagai alat pendidikan untuk kanak-kanak di samping mengekalkan nilai-nilai budaya masyarakat di Malaysia, khususnya budaya Melayu-Islam.

¹ Fadli Bin Abdullah (2012) *Pembangunan Sektor Animasi di Malaysia: Keperluan Industri dan pelaksanaan Pendidikan Animasi di Institusi pengajian Tinggi* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya] 2

² Norhayati Che Hat (2011) *Keberkesanan Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab* [Disertasi sarjana, Universiti Malaya] 50

³ Maizira Abdul Majid (2004) *Pendidikan Moral Untuk Kanak-kanak: Kes Teater “Siti di Alam Fantasi”* [Disertasi sarjana, Universiti Malaya] 23

⁴ Nurul Akma Binti Osman (2018) *Unsur Dakwah dalam Siri Animasi Pada Zaman Dahulu, Terbitan Les Copaque production Sdn Bhd* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya] 8

Nilai dalam Budaya Melayu- Islam

Nilai merupakan aspek yang utama dalam budaya Melayu. Menurut Noriati A. Rashid (2005), nilai dikatakan sebagai suatu prinsip kelakuan yang abstrak yang diluahkan melalui perasaan emosi yang kuat dan positif lalu memberikan suatu piawai untuk menetapkan sesuatu tindakan atau matlamat sesuai dengan norma-norma, keunggulan, kepercayaan, dan kelakuan masyarakat. Nilai juga menjadi ukuran tentang baik buruk atau cantik hodohnya sesuatu perlakuan berasaskan kelaziman atau kebiasaan masyarakat⁵.

Selain nilai, kepentingan menjaga adat juga amat ditekankan dalam budaya Melayu. Adat merupakan perlakuan dan tingkah laku yang telah diterima oleh sesebuah masyarakat berupa peraturan sosial yang mengandungi kod etika dan moral yang berlandaskan nilai-nilai social. Segala perlakuan anggota masyarakat harus menepati adat yang telah diamalkan oleh masyarakat tersebut. Orang Melayu mengamalkan perkongsian hidup bermasyarakat. Oleh itu, orientasi nilai mereka mengutamakan kepentingan seluruh anggota masyarakat sekali gus menetapkan nilai kesantunan orang Melayu sebagai cara menjaga perasaan dan mengutamakan pandangan serta penerimaan masyarakat sekelilingnya⁶.

Dalam budaya masyarakat Melayu juga, ciri-ciri Islam menjadi asas dalam pembentukan kelakuan dan tindakan serta pandangan mereka. Hal ini menurut Zainal Kling (1980), Islam telah menjadi jiwa dalam keseluruhan sosial dan budaya orang Melayu⁷. Nilai Islam mempunyai hubungan yang akrab dengan kehidupan orang Melayu memandangkan masyarakat Melayu kebanyakannya beragama Islam dan nilai-nilai Islam itu telah membentuk peraturan sosial yang tersendiri dalam kehidupan sosial mereka.

Faktor dominan yang menyerap dalam kebudayaan Melayu ialah Islam berbanding unsur agama lain yang ada kerana kebudayaan dan cara hidup mempunyai perkaitan apabila Islam meletakkan Tuhan sebagai penentu segala perkara manakala agama lain menetapkan manusia sebagai penetap segala perkara dan persoalan pokok dalam kesenian Islam ialah akidah tanpa mengeneplikan peranan akhlak dan syariat dalam penghasilan kesenian dan kebudayaan⁸.

⁵ Noriati A Rashid (2005) Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu, dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15, 2005, 232-253

⁶ Noriati A. Rashid (2005) Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu

⁷ Zainal Kling (1980) "Sistem Nilai Tradisi Melayu". [Kertas Kerja Dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat Melayu. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980]

⁸ Idris Zakaria (2012) Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu dalam *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 91-108

Oleh kerana budaya Melayu berteraskan Islam dan adat, maka keduanya menjadi asas utama dalam proses sosiologi dan pembudayaan. Menurut Abu Hassan Sham et.al (2001), proses sosiologi ialah proses mempelajari perkara-perkara yang diamalkan oleh masyarakat bagi membolehkan mereka berfungsi dalam masyarakat tersebut. Proses ini dilengkapi dengan kawalan social dan tekanan social melalui adat resam, amalan masyarakat, mores dan undang-undang manakala proses pembudayaan pula adalah proses penerapan unsur-unsur budaya bagi memastikan seseorang itu bertindak dalam lingkungan peraturan, norma dan nilai masyarakat yang dianggotainya. Kedua-dua proses dijalankan pada semua tahap kitaran hidup manusia semenjak mereka dilahirkan lagi bagi mengekalkan kesinambungan budaya dan identity masyarakat. Lantaran itu, jika berlaku penyelewengan, masyarakat akan memberi tekanan dalam bentuk cacian, cemuhan atau denda⁹.

Terdapat banyak nilai yang penting dalam budaya Melayu –Islam antaranya ialah nilai berbahasa, nilai menghormati orang lain, nilai kekeluargaan, nilai kejujuran, merendahkan diri, bertolak ansur, malu, harga diri, maruah dan menjaga air muka. Nilai-nilai tersebut diajar kepada kanak-kanak yang ditanamkan melalui pendidikan formal dan tidak formal. Pendidikan formal dipelajari melalui institusi pendidikan manakala pendidikan tidak formal dipelajari melalui pengalaman kehidupan sehari-hari sementelah orang Melayu pula memiliki daya kreativiti intelektual yang tinggi dari segi memerhati dan menghayati factor-faktor alam secara rasional dan saintifik¹⁰.

Menurut Nor Raudah Hj Siren (1998), kanak-kanak memiliki daya kreativiti yang tinggi sehingga membolehkan mereka mencipta hasil kreativiti untuk mengekalkan hubungan social melalui permainan. Melalui permainan yang dilakukan secara berkumpulan, kanak-kanak telah dilatih hidup dalam kumpulan, menghormati orang lain, mendahulukan orang lain, berperikemanusiaan, berlumba-lumba untuk berjaya, bekerja sama, tolong-menolong, menepati janji dan berdikari. Nilai-nilai murni yang terhasil dari alatan permainan tradisional masyarakat Melayu ini menjadi alat sosiologi dan pembudayaan secara tidak formal yang amat berkesan¹¹.

Nilai Budaya Melayu- Islam melalui Filem Animasi UPIN dan IPIN

⁹ Abu Hassan Sham, Hashim Ismail. Hashim Musa, Rahmah Bujang dan Yaacob Harun (2001) “Bahasa, Kesusastraan, Kesenian, Proses Sosiologi dan Pembudayaan Masyarakat Melayu” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya) 187-188

¹⁰ Abu Hassan Sham et. Al (2001) 188

¹¹ Nor Raudah Siren (1998) “Kreativiti: Melihat Hubungan Sosial Kanak-kanak Melalui Permainan Tradisional Jawa” dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Jilid 1, No. 1, 1998. 98-101

Filem Animasi Upin dan Ipin merupakan terbitan secara bersiri dari Syarikat Les Copaque Sdn Bhd yang telah beroperasi semenjak tahun 2005 sehingga kini. Watak kembar bernama Upin dan Ipin yang menjadi watak utama dalam siri tersebut menjadi kegemaran ramai sama ada dalam kalangan warga tempatan maupun luar negara. Menurut Siti Sarah Nadia Aziz, ciri-ciri kesantunan yang terdapat dalam filem ini bukan sahaja menarik minat kanak-kanak bahkan mampu menjadi ikon yang boleh dicontohi dalam pembentukan sahsiah kanak-kanak¹².

Lonjakan populariti filem animasi ini telah mengangkat kedua-dua watak ini sehingga menjadi Duta Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unicef)¹³ dan Duta Pelancongan Malaysia¹⁴. Filem animasi Upin dan Ipin juga telah diterima ke negara jiran termasuk Indonesia, Brunei, Singapura dan Filipina. Kejayaan filem animasi Upin dan Ipin ini menunjukkan kemampuannya mempromosikan budaya rakyat Malaysia yang kaya dengan satira, moral dan nilai-nilai Islam serta hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Budaya yang disampaikan secara visual animasi komputer ini mampu memacu, mempromosi dan memaparkan nilai budaya dan identity Malaysia di mata dunia¹⁵.

Filem Upin dan Ipin digambarkan berada dalam sebuah perkampungan Melayu bernama Kampung Durian Runtuh yang dinyatakan oleh Dahlan (2015) sebagai filem animasi yang menggambarkan nilai estetika kehidupan rakyat Malaysia melalui bentuk rumah traditional, ternakan, tanaman herba dan bunga-bunga yang menghiasi persekitaran kediaman mereka. Daripada suasana perkampungan traditional, watak-watak pelbagai bangsa ditonjolkan sebagai simbul multi-cultural rakyat Malaysia yang terdiri dari bangsa Melayu, Cina dan India yang hidup harmoni dan saling menghormati nilai-nilai budaya masing-masing.

Terdapat dua nilai budaya Melayu-Islam yang penting telah ditonjolkan dalam filem Upin dan Ipin yang berjaya digarap oleh pengkaryanya sama ada secara tersirat maupun secara tersurat.

1. Nilai Budi Bahasa

¹² Siti Sarah Nadia Aziz (2015) *Penerokaan Teknologi Melalui Seni dan Warisan dalam Kearifan Tempatan* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia) 127

¹³ Sinar Harian Online, “Upin & Ipin Jadi Duta Unicef Malaysia” dalam <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/upin-ipin-jadi-duta-unicef-malaysia-1.137614> bertarikh 8 Mac 2013

¹⁴ MH Online, “Watak Upin dan Ipin mampu tingkat kedatangan Pelancong dalam Negara” dalam <http://mhonline.com.my/watak-upin-ipin-mampu-tingkat-kedatangan-pelancong/> bertarikh 26 Oktober 2017

¹⁵ Dahlan bin Abdul Ghani (2015) “Upin dan Ipin: Promoting Malaysian Culture Values through Animation”, *Historia y Comunicación Social*, vol.20, No. 1, 2015. 241-258

Menurut huraian Noor Aina Dani (2011), budi bahasa merujuk kepada tutur kata, kelakuan, sopan santun, tata tertib, akal, kebijaksanaan dan perbuatan kebajikan yang tercantum dalam kata-kata yang memperlihatkan akhlak yang mulia. Hal ini dikaitkan dengan segala perbuatan, perkataan, pemikiran, gaya hidup dan perasaan baik terhadap orang lain semasa pergaulan dalam masyarakat berlaku¹⁶.

Filem animasi Upin dan Ipin menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama semasa berkomunikasi. Lantaran itu, masyarakat Melayu amat mementingkan nilai ketika berbahasa bertujuan untuk menjaga perasaan dan maruah orang lain. Menurut Noriati (2005), orang Melayu amat memandang berat terhadap nilai berbahasa. Nilai terhadap bahasa menentukan jenis-jenis bahasa yang digunakan sama ada bahasa yang sopan mahupun bahasa biadap. Penggunaan bahasa pula perlu disesuaikan dengan keadaan, suasana serta golongan, dan peringkat yang berbeza¹⁷.

i. Ucapan salam

Ungkapan salam sebagaimana disarankan oleh Islam sudah sebatи dalam budaya kehidupan masyarakat Melayu kerana perkara tersebut memperlihatkan suatu perlakuan penghormatan sebagaimana diajar dalam Surah an-Nisa ayat 86.



Gambar 1: Mengucapkan salam ketika sampai di rumah Tok Dalang
Semasa Upin dan Ipin pergi ke rumah Tok Dalang, mereka memberi salam dengan lafaz, “Assalamualaikum” sebagaimana diajar oleh Islam. Ungkapan salam merupakan nilai yang perlu dipatuhi ketika datang

¹⁶ Noor Aina Dani (2011) Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku *Malay Courtesy*”, dalam Sari- International Journal of Malay World and Civilisation, 29(1), 2011: 121- 136

¹⁷ Noriati A Rashid (2005) Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu, 234

berkunjung atau bertemu dengan seseorang sebagai cara mendoakan orang yang ditemui atau disapa.

Selain ungkapan salam, perbuatan bersalaman juga memperlihatkan kemuliaan nilai budi bahasa masyarakat Melayu-Islam. Bersalam-salaman antara guru dan murid, antara anak dan ibu bapa, antara adik-beradik dan sesama rakan merupakan amalan yang mulia dan digalakkan dalam budaya Melayu dan agama Islam sebagai cara menjalin hubungan silaturrahim.



Gambar 2: Bersalam-salaman dengan guru di akhir persekolahan

Gambar 2 di atas menunjukkan murid-murid berbaris untuk bersalam-salaman dengan guru mereka dan sesama rakan di akhir persekolahan sebelum menyambut hari raya aidilfitri dalam Siri Cerita dan Pengajaran.

ii. Meminta maaf apabila melakukan kesalahan

Nilai kemaafan memperlihatkan sikap rendah diri seseorang apabila melakukan kesalahan dan mengakui kesilapan yang dilakukan. Kemaafan akan menjernihkan suasana dan menjaga hubungan silaturrahim.



Gambar 3: Mael meminta maaf kerana menipu Upin dan Ipin

Gambar 3 di atas menunjukkan shot dalam siri Kail dan Laga. Mael meminta maaf kepada Upin dan Ipin kerana bergurau dengan mengatakan ikan laga boleh diperolehi di pasar. Walaupun cara meminta maafnya bersahaja, tapi sikapnya yang mengakui ia sebagai gurauan, rakan-rakannya menerima maaf yang dihulurkan.

iii. Ucapan terima kasih

Ungkapan terima kasih merupakan nilai budi sebagai cara menunjukkan penghargaan kepada orang lain kerana sesuatu bantuan atau pemberian.



Gambar 4: Upin dan Ipin berserta kawan-kawannya mengucapkan terima kasih kepada Tok Dalang


Gambar 4 di atas adalah dalam siri Kail dan Laga, Upin dan Ipin serta kawan-kawannya mengucapkan terima kasih kepada Tok Dalang yang membantu mereka mendapatkan ikan laga di pesisir sungai. Sikap

ini ditunjukkan sebagai nilai penghargaan yang ditunjukkan oleh mereka kerana Tok Dalang membantu mereka mencari ikan laga.

iv. Panggilan ganti nama

Panggilan memainkan peranan penting dalam nilai budaya Melayu terutama kepada orang yang lebih tua. Nilai menghormati orang lain sering dikaitkan dengan sistem panggilan dan penggunaan ganti nama diri. Nilai menghormati orang yang lebih tua dengan sistem panggilan yang pelbagai dalam keluarga Melayu memperlihatkan kesantunan nilai budaya Melayu-Islam malah panggilan tersebut memperlihatkan kehidupan berkasih sayang dan keakraban¹⁸.

Di dalam filem animasi Upin dan Ipin, terdapat watak-watak yang dipanggil dengan ganti nama iaitu Opah, Atok, Kak Ros, Uncle Muthu, Uncle Ah Thong dan abang Saleh. Panggilan ini menunjukkan sikap orang muda yang menghormati golongan yang lebih tua. Menurut Noor Aina Dani (2011), tutur kata orang Melayu menggunakan sistem panggilan sesuai dengan umur. Orang yang lebih tua akan dihormati dan tidak akan dipanggil dengan nama manakala orang yang lebih muda akan dipanggil dengan nama masing-masing.



Gambar 5: Upin memanggil nama kepada kawannya, Mael

Gambar 5 dalam siri Basikal Baru di atas menunjukkan Upin memanggil nama rakan sebayanya dengan nama sahaja, iaitu Mael manakala dalam Gambar 6 di bawah, apabila bersama Tok Dalang, Upin memanggil dengan nama Atok, panggilan yang sesuai untuk seorang yang sudah berusia.

¹⁸ Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo (2012) "Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis" dalam *Akademika* 82(1) 2012: 113- 123



Gambar 6: Upin dan Ipin memanggil Tok Dalang dengan panggilan Atok

2. Nilai Murni

Nilai murni merupakan asas masyarakat Melayu untuk mengukur atau membuat pilihan serta keputusan terhadap sesuatu perkara, menentukan mutu dan kualiti sesuatu perbuatan, taraf dan darjat seseorang atau kelompok berdasarkan perilaku, berharga atau bernilai sesuatu benda, kelompok atau perbuatan¹⁹. Menurut Mohd Firdaus dan Normaliza (2016), nilai murni dapat dirujuk berdasarkan situasi tertentu berkaitan kebenaran, peraturan, baik, patut dan rasional.

i. Peraturan dan adab kesopanan

Peraturan dan adab kesopanan merupakan nilai murni yang bertujuan untuk mendisiplinkan seseorang anggota masyarakat. Setiap nilai yang diterapkan dalam peraturan itu bertujuan untuk menjaga adab dan keperibadian serta kesopanan.



¹⁹ Noor Aina Dani (2011) 123

Gambar 7: Bapa Ehsan menegur kejelajohan Ehsan semasa makan

Gambar 7 di atas dalam siri Gelapnya, yang memaparkan watak Ehsan yang gelojoh semasa makan. Akibatnya, dia tercekik tulang. Ayahnya menegur perbuatannya sambil membantu Ehsan agar melegakan dengan memberi air dan memberi nasi yang perlu ditelan sekaligus. Dalam hal ini, Upin juga turut menegur perbuatan Ehsan yang gelojoh ketika makan.

Ketika makan juga, budaya Melayu-Islam mengajar anak-anak untuk mensyukuri setiap rezeki. Dalam cerita Basikal Baru, Upin dan Ipin ditegur oleh Opah kerana merungut, Kak Ros tidak menggoreng ayam.



Gambar 8: Opah menegur sikap Upin dan Ipin yang mengeluh ketika makan

Upin: Ayam goreng tak de ke?

Kak Ros: Takde.. ayam mahal. Tak boleh makan selalu. Makan je telur goreng tu..

Upin: hmmm telur ayam tak mahal ke kak?

Opah: Upin... rezeki tu. Makan je apa yang ada.

Teguran yang dilakukan oleh Opah adalah dengan nada yang lembut. Hal ini disebut oleh Marlyna (2011) bahawa nilai budaya Melayu mementingkan keharmonian hubungan. Mereka akan cuba mengelakkan konflik dan menjaga air muka atau maruah orang lain terutama semasa membuat teguran.²⁰

ii. Nilai malu

Dalam Masyarakat Melayu, malu merupakan perkara yang penting dalam menjaga maruah. Menurut Noriati (2005), maruah dan harga diri

²⁰²⁰ Marlyna Maros (2011) "Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran" dalam *Jurnal e-Utama*, Jilid 2, 2011: 7- 20

seseorang perlu dijaga dengan berpegang kuat pada konsep malu²¹. Oleh itu, sewaktu berinteraksi, orang Melayu ditegah menghina dan merendah-rendahkan peribadi seseorang.



Gambar 9: Watak Afdlin Shauki semasa menilai buah durian Jarjit

Gambar 9 dalam siri Raja Durian memaparkan watak Jarjit yang telah masuk pertandingan Raja Buah (buah durian) tetapi telah mempertandingkan buah durian belanda. Namun untuk menjaga air muka Jarjit dan menyokong semangatnya, Afdlin tetap menerima penyertaannya;

Roy: Hu tak boleh ni tak boleh, batal batal

Afdlin: Tak pe tak pe hah semua yang namanya durian saya makan,. hmm tak de bau durian, hmm takde rasa durian tapi sedap...

Jarjit: Dua tiga soalan senang, boleh kasi saya menang?

Afdlin: Dua tiga kucing Saleh, tak boleh..

Perasaan malu juga dikatakan sebagai elemen kebaikan dalam masyarakat. Ia merupakan emosi social bagi menjaga maruah dan menjauhkan diri dari perkara yang tidak baik di sisi masyarakat.

iii. Nilai baik hati

Nilai baik hati merupakan nilai murni yang wajar disemai dalam diri seseorang. Nilai tersebut lahir kesan dari perasaan belas kasihan yang wujud dalam jiwa seseorang serta mengambil berat terhadap perasaan dan kebijakan orang lain²².

²¹ Noriati A Rashid (2005) 238

²²² Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) "Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu Suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu" dalam *Journal of Business and Social Development*, Vol 4 Number 2, September 2016: 48- 57



Gambar 10 : Aksi Upin membantu Tok Dalang membuat basikal baru



Gambar 11 Basikal baru ciptaan Tok Dalang siap digunakan

Gambar 10 dan 11 dalam siri Basikal Baru, memperlihatkan nilai murni Tok Dalang yang memiliki nilai baik hati yang tinggi apabila melihat Upin dan Ipin tidak dapat bermain basikal sebagaimana rakan-rakannya yang lain. Kesan rasa belas kesihan terhadap kedua-dua anak yatim tersebut, maka Tok Dalang selalu berusaha memenuhi kehendak sikembar tersebut termasuk membuatkan basikal baru untuk mereka. Pada kebiasaannya, Tok Dalang akan membuat aktiviti bersama-sama Upin dan Ipin dalam apa jua perkara sementelah Upin dan Ipin pula memiliki sifat ringan tulang.



Gambar 12: Upin dan Ipin membantu mengelap peralatan hantaran Saleh

Nilai baik hati Upin dan Ipin pula boleh dilihat dalam siri Jari Jemari Saleh apabila dengan sukarela datang membantu Saleh menyiapkan tempahan hantaran sebagaimana dalam Gambar 12 di atas. Sebagai manusia yang memiliki sifat kesihan belas dan menghargai bantuan mereka, Saleh memberi upah walaupun tidak diminta.



Gambar 13: Upin Ipin membantu Tok Dalang mengutip durian di kebun

Berdasarkan gambar 13 di atas, Upin dan Ipin juga sering membantu Tok Dalang. Hal ini didapati dalam siri Raja Buah, apabila Upin dan Ipin membantu Tok Dalang mengutip buah durian di kebun pada waktu malam. Sikap tolong-menolong yang diperlihatkan dalam budaya Melayu memperlihatkan nilai baik hati dalam diri seseorang yang hidup dalam lingkungan masyarakat. Menurut Jeannot dan Khairul (2012), masyarakat Melayu mengutamakan penglibatan semangat

bantu-membantu yang boleh mengeratkan tali persaudaraan dan hubungan peribadi²³.

Sifat bantu-membantu dan tolong menolong bukan sahaja dilakukan terhadap orang yang lebih tua atau orang yang lebih muda, bahkan turut diamalkan dalam kalangan rakan sepermainan. Hal ini akan mengeratkan hubungan persahabatan dan keakraban yang sedia ada.



Gambar 14: Mael membantu Upin dan Ipin mencari barang di kedai

Berdasarkan gambar 14 di atas, Upin dan Ipin meminta bantuan Mael untuk mencari barang membuat kuih yang dipesan oleh Kak Ros dalam siri Kuih untuk Opah. Mael yang berpengalaman dalam selok belok kedai, dengan senang hati membantu rakannya.

Mael: Korang cari apa?

Upin: Nak beli ini (sambil menunjukkan senarai barang) tapi kitorang tak tahulah macamana nak cari.

Mael: Owh. Senang aja ni. Mari aku tolong.

Sebagai adik pula, Upin dan Ipin sering menolong kakaknya, Ros dalam menyiapkan kerja-kerja rumah. Pertolongan yang dihulurkan biasanya dengan suka rela dan dilakukan dengan penuh kemesraan. Hal ini menyerlahkan suasana keharmonian dan kebahagiaan dalam sistem kekeluargaan.

²³ Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo (2012) 117



Gambar 15: Upin dan Ipin membantu Kak Ros membuat Kuih Raya

Gambar 15 di atas memperlihatkan Upin dan Ipin membantu Kak Ros membuat kuih raya sehingga dini malam. Semasa proses tersebut, komunikasi adik-beradik berlaku yang memperlihatkan kemesraan mereka;

Upin: Kenapa nak buat banyak-banyak, kak?

Kak Ros: Yerlah, Opahkan nak pergi umrah. Kita bagi bekal kat Opah.

Yang lebih korang jual. Haa dapat duit akak bagilah upah

Upin: Nak buat

Kak Ros: Nah, kacau baik-baik

Ipin: Wah, cantiknya..

KESIMPULAN:

Nilai budi bahasa dan nilai murni yang terkandung dalam siri animasi Upin dan Ipin memperlihatkan karya tempatan ini mampu memaparkan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat Melayu yang penuh dengan falsafah yang halus dalam memelihara hubungan kemasyarakatan.

SENARAI RUJUKAN

- Abu Hassan Sham, Hashim Ismail, Hashim Musa, Rahmah Bujang dan Yaacob Harun (2001) “Bahasa, Kesusastraan, Kesenian, Proses Sosiologi dan Pembudayaan Masyarakat Melayu” dalam *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya) 187-188
- Dahlan bin Abdul Ghani (2015) “Upin dan Ipin: Promoting Malaysian Culture Values through Animation”, *Historia y Comunicación Social*, vol.20, No. 1, 2015. 241-258
- Fadli Bin Abdullah (2012) *Pembangunan Sektor Animasi di Malaysia: Keperluan Industri dan pelaksanaan Pendidikan Animasi di Institusi pengajian Tinggi* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya] 2

- Idris Zakaria (2012) Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu dalam *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 91-108
- Jeannot Abdul Karim & Khairul Anuar Rezo (2012) "Pembentukan Skala Pengukuran Nilai Melayu: Satu Kajian Perintis" dalam *Akademika* 82(1) 2012: 113- 123
- Maizira Abdul Majid (2004) *Pendidikan Moral Untuk Kanak-kanak: Kes Teater "Siti di Alam Fantasi"* [Disertasi sarjana, Universiti Malaya] 23
- Marlyna Maros (2011) "Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran" dalam *Jurnal e-Utama*, Jilid 2, 2011: 7- 20
- MH Online, "Watak Upin dan Ipin mampu tingkat kedatangan Pelancong dalam Negara" dalam <http://mhone.com.my/watak-upin-ipin-mampu-tingkat-kedatangan-pelancong/> bertarikh 26 Oktober 2017
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2016) "Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu Suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu" dalam *Journal of Business and Social Development*, Vol 4 Number 2, September 2016: 48- 57
- Noor Aina Dani (2011) Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku *Malay Courtesy*”, dalam Sari- International Journal of Malay World and Civilisation, 29(1), 2011: 121- 136
- Nor Raudah Siren (1998) "Kreativiti: Melihat Hubungan Sosial Kanak-kanak Melalui Permainan Tradisional Jawa" dalam *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*, Jilid 1, No. 1, 1998. 98-101
- Norhayati Che Hat (2011) *Keberkesan Animasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab* [Disertasi sarjana, Universiti Malaya] 50
- Noriati A Rashid (2005) Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu, dalam *Jurnal Pengajaran Me!ayu*, Jilid 15, 2005, 232-253
- Nurul Akma Binti Osman (2018) *Unsur Dakwah dalam Siri Animasi Pada Zaman Dahulu, Terbitan Les Copaque production Sdn Bhd* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya] 8
- Sinar Harian Online, "Upin & Ipin Jadi Duta Unicef Malaysia" dalam <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/upin-ipin-jadi-duta-unicef-malaysia-1.137614> bertarikh 8 Mac 2013
- Siti Sarah Nadia Aziz (2015) *Penerokaan Teknologi Melalui Seni dan Warisan dalam Kearifan Tempatan* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia) 127
- Zainal Kling (1980) "Sistem Nilai Tradisi Melayu". [Kertas Kerja Dalam Seminar Nilai Dan Norma Masyarakat Melayu. Kota Kinabalu, 10-11 Mac 1980]